

# Pengurusan Air Pahang Berhad

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : DISEMBER 08, 2021 (RABU)  
MEDIA : SINAR HARIAN  
BAHAGIAN : NEGERI  
MUKA SURAT : 24



24

Sinar NEGERI

RABU 8 DISEMBER 2021 • SINAR HARIAN

• PAHANG • SELANGOR/KL

Penduduk Bilut di Bentong alami gangguan itu selepas LRA terpaksa henti tugas

# Kebun durian musang king punca gangguan bekalan air

KUANTAN

**K**ebun durian musang king dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyebabkan gangguan bekalan air dalam kawasan Bilut di Bentong, kata Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Beliau berkata, loji rawatan air (LRA) di situ terpaksa menghentikan tugas apabila kekeruhan air mentah di Sungai Bilut tinggi selepas hujan lebat yang akhirnya mengakibatkan pen-

uduk sekitar mengalami gangguan bekalan air.

“Saya rasa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bilut mesti tahu air tidak akan keruh semula jadi... mesti ada penyebabnya dan di Bilut, kebun musang king sedikit sebanyak menjejaskan air di kawasan itu,” katanya pada Persidangan Dewan



WAN ROSDY

Undangan Negeri Pahang di Wisma Sri Pahang pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Lee Chin Chen (PH-Bilut)** yang ingin tahu tindakan diambil bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Bilut yang berlaku selepas hujan lebat akibat kekeruhan air sungai.

Antara penyelesaian dilakukan, menurut Wan Rosdy ialah penambahbaikan LRA

Sungai Bilut melibatkan kerja pembinaan tangki pra enapan yang dijangka siap tahun depan.

Sementara itu, menjawab soalan **Razali Kassim (BN-Muadzam Shah)** mengenai jumlah pelaburan yang dibawa masuk antara Mac 2020 hingga September lalu, Wan Rosdy berkata, jumlah pelaburan diluluskan

SIDANG DUN PAHANG

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM6.751 bilion untuk

2020.

Daripada jumlah itu, RM4.319 bilion ialah pelaburan langsung asing manakala untuk tahun ini, setakat Jun lalu jumlah pelaburan tempatan ialah RM441 juta dan RM508 juta bagi pelaburan asing dengan keduanya bakal menambah peluang pekerjaan di Pahang. - *Bernama*